

Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Belanjawan Tahun 2003 - 2004 Kerajaan Negeri Melaka.

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan bagi penyediaan cadangan anggaran belanjawan bagi Jabatan-jabatan Negeri di negeri Melaka untuk tahun 2003 - 2004. Sepertimana semua sedia maklum, Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya penyediaan dan pemeriksaan cadangan perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan dibuat dua (2) tahun sekali mulai tahun 2003. Keputusan melaksanakan belanjawan dua tahun sekali telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bil 6/2002 bertarikh 20 Februari, 2002 yang lalu.
- 1.2 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan cadangan perbelanjaan bagi jabatan masing-masing disediakan mengikut garis panduan yang terdapat di dalam Pekeliling ini.

2. DASAR DAN STRATEGI BELANJAWAN TAHUN 2003 - 2004

- 2.1 Dasar Belanjawan tahun 2003 - 2004 bagi Kerajaan Negeri Melaka akan mengambil pendekatan yang sama dengan Kerajaan Persekutuan iaitu merancang perbelanjaan dan merangka tindakan pengurusan yang strategik bagi menjana pertumbuhan ekonomi negeri. Justeru itu, dasar belanjawan akan menumpukan kepada perkara-perkara berikut :
 - 2.1.1 meneruskan program pembangunan sosial dan meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat;
 - 2.1.2 meningkatkan infrastruktur dan kemudahan untuk menggalakkan sektor pelancongan dan industri;
 - 2.1.3 memberi penekanan kepada program yang dapat meningkatkan hasil Kerajaan Negeri;
 - 2.1.4 menggalakkan pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT);
 - 2.1.5 memantapkan sektor pertanian dengan memberikan penekanan kepada usaha mengenalpasti sumber pertanian yang baru; dan
 - 2.1.6 memperkembangkan program pembangunan sumber manusia untuk meningkatkan kecekapan, produktiviti dan keberkesanan perkhidmatan sektor Kerajaan.
- 2.2 Di dalam melaksanakan dasar-dasar tersebut, beberapa pendekatan perlu diutamakan oleh Pegawai Pengawal seperti berikut :
 - 2.2.1 Memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan Negeri dengan cara:
 - i. Melaksanakan perbelanjaan bijaksana dan kawalan perbelanjaan yang lebih berkesan;
 - ii. Mengelakkan pembaziran sumber;
 - iii. Mengkaji semula dan mengubahsuai program/aktiviti dengan memastikan hanya program/aktiviti yang benar-benar menyumbang kepada pencapaian objektif Jabatan secara cekap dan berkesan sahaja akan diberi keutamaan;
 - iii. Mengurangkan perbelanjaan melaksanakan sesuatu program tanpa menjejaskan produktiviti atau hasil pengeluarannya;

- 2.2.3 Meningkatkan keupayaan dan kecekapan sistem pentadbiran dan pengurusan sektor Kerajaan untuk membantu sektor-sektor lain dengan berkesan;
- 2.2.4 Mempertingkatkan kemudahan awam dan kemudahan perkhidmatan masyarakat yang sedia ada; dan
- 2.2.5 Meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan dan teknologi maklumat.

3. PENGURUSAN DAN KAWALAN KEWANGAN

- 3.1 Pengurusan kewangan yang cekap dan terkawal adalah agenda utama kepada kejayaan. Adalah menjadi tanggungjawab utama Pegawai Pengawal untuk menentukan pengurusan kewangan dan perakaunan Jabatan menyumbang kepada keberkesanan kos pelaksanaan program-program dan projek-projek Kerajaan Negeri, khususnya projek/program yang menjadi pemangkin kepada pengukuhan ekonomi serta kesejahteraan rakyat. Bagi mencapai maksud tersebut, pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan serta semua Pekeliling-pekeliling Perbendaharaan, Surat-surat Pekeliling Perbendaharaan, Surat Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Kewangan dan Perbendaharaan Negeri adalah wajib.
- 3.2 Pegawai Pengawal dikehendaki mempertingkatkan kawalan dan pengurusan kewangan melalui ;
 - i. mengadakan mesyuarat **Jawatankuasa Pengurusan Kewangan peringkat Jabatan** mengikut jadual setiap bulan dan mengemukakan minit mesyuarat tersebut kepada YAB Ketua Menteri dan salinan kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan YB Kewangan Negeri;
 - ii. memberi perhatian yang serius terhadap peraturan kewangan dan memastikan peraturan-peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya untuk mengelak daripada berlakunya penyelewengan. Sekiranya berlaku kecuaiian atau pelanggaran peraturan kewangan sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan, **tindakan surcaj** hendaklah diambil terhadap pegawai yang bertanggungjawab; dan
 - iii. memberikan perhatian yang serius terhadap **teguran-teguran Audit Negara** terutamanya teguran yang berulang setiap tahun.

4. PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2003 - 2004

- 4.1 Di samping melaksanakan Belanjawan Dua Tahun Sekali, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan **Sistem Belanjawan Yang Diubahsuai** bertujuan untuk memperbaiki lagi proses penyediaan belanjawan dan pengagihan sumber serta mempertingkatkan lagi prestasi pelaksanaan program-program Kerajaan Negeri selaras dengan konsep "**Let Managers Manage**". Belanjawan ini akan dilaksanakan secara berperingkat dengan belanjawan Mengurus dahulu.
- 4.2 Konsep **Batas Perbelanjaan (ET)** dalam Sistem Belanjawan Yang Diubahsuai akan dilaksanakan. Ini bermakna penyampaian cadangan anggaran perbelanjaan bagi dasar sedia ada bagi sesuatu tahun berkenaan tidak boleh melebihi Batas Perbelanjaan yang ditetapkan mengikut formula berikut :

**ET 2003 = Dasar sedia ada + [Dasar Baru 2002 - Peruntukan Aset] + 3%
Kenaikan**
- 4.3 Pematuhan kepada Batas Perbelanjaan adalah perlu dan tiadk ada pengecualian. Semua perbelanjaan yang termasuk dalam definisi dasar yang sedia ada hendaklah dirangkumi di dalam Batas Perbelanjaan.
- 4.4 Bagi tahu 2004, semua Jabatan diperluan menyediakan ET berasaskan ET 2003 dan

cadangan dasar baru berpandukan formula pengiraan ET seperti tahun 2003. Satu taklimat mengenai penyediaan Belanjawan dan Batas Perbelanjaan akan diadakan dalam tempoh dua minggu selepas Pekeliling ini dikeluarkan.

- 4.5 Garis Panduan Pelaksanaan Sistem Belanjawan Diubahsuai (MBS) adalah seperti di **Lampiran A**.

5. PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2003 - 2004

- 5.1 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan supaya projek-projek pembangunan yang dicadangkan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mengelakkan "*shortfall*" yang tinggi serta pindaan perubahan yang berulang terhadap senarai projek. Peruntukan untuk projek-projek baru akan hanya dipertimbangkan di dalam keadaan yang berikut:
- 5.1.1 Perancangan untuk projek tersebut telah siap dan sedia untuk dilaksanakan;
 - 5.1.2 Pengambilan tanah telah selesai;
 - 5.1.3 Jabatan bukan teknik hendaklah merujuk kepada Jabatan Kerja Raya untuk mendapat persetujuan pelaksanaan dan jadual perancangan kerja.
- 5.2 Pegawai Pengawal yang terlibat dengan pengambilan balik tanah hendaklah mengemukakan cadangan dalam Rancangan Malaysia ke - Lapan (RMK-8) kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri untuk mendapat persetujuan. Pengambilan balik tanah yang melibatkan projek Kerajaan Negeri sahaja dimasukkan dalam anggaran belanjawan tahun 2003 - 2004.
- 5.3 Dalam penyediaan anggaran perbelanjaan pembangunan, Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada projek-projek yang memerlukan peruntukan semula supaya dimasukkan dalam cadangan perbelanjaan tahun baru. Semakan semula jadual perancangan projek adalah mustahak bagi menentukan peruntukan semula untuk tahun baru adalah mencukupi atau tidak berlebihan. Walaupun begitu, Pegawai Pengawal hendaklah seboleh mungkin memastikan perbelanjaan dilakukan dalam tahu semasa untuk mengelak permohonan peruntukan semula. Cadangan perbelanjaan yang dikemukakan hendaklah disokong dengan huraian-huraian yang jelas mengenai peringkat pelaksanaan dan kemajuan sebenar projek. Perancangan perbelanjaan hendaklah realistik dan setimpal dengan skop projek, keperluan dan kemampuan pelaksanaan dalam tahun perbelanjaan yang dicadangkan;

6. PERJAWATAN

- 6.1 Kerajaan Negeri akan meneruskan dasar mengawal pertumbuhan saiz perkhidmatan awam kecuali bagi keperluan jawatan yang mendesak. Permohonan jawatan tambahan hendaklah dibuat secara berasingan dan dipertimbangkan kemudian. Pegawai-pegawai Pengawal hendaklah memastikan proses "re-engineering" perjawatan dilakukan bagi mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja dan ICT.

7. CADANGAN ANGGARAN HASIL 2003 - 2004

- 7.1 Cadangan anggaran hasil hendaklah disediakan dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:
- 7.1.1 meneliti rekod prestasi hasil dua (2) tahun kebelakangan;
 - 7.1.2 perubahan dasar atau peraturan atau kadar; dan

- 7.1.3 kemampuan kutipan tunggakan hasil.
- 7.2 Setiap butiran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan yang terperinci dengan memberi asas-asas yang tepat mengenai kadar, jumlah dan sebagainya yang menentukan jumlah setiap jenis hasil sepatutnya dipungut bagi satu-satu tahun.
- 7.3 Pegawai Pengawal/Pemungut hendaklah menyatakan keupayaan untuk memungut setiap jenis hasil bagi tahun semasa dan keupayaan untuk memungut tunggakan terkumpul tahun-tahun sebelumnya seperti berikut:
- 7.3.1 Jumlah hasil bagi tiap-tiap jenis hasil yang **sebenar** dan sepatutnya dipungut bagi tahun 2002;
- 7.3.2 **Anggaran** bagi tiap-tiap jenis hasil tahun 2002 yang boleh dipungut dalam tahun semasa (2002);
- 7.3.3 Jumlah **tunggakan** tiap-tiap jenis hasil yang terkumpul tahun sebelum yang boleh dipungut dalam tahun 2002;
- 7.3.4 Baki tunggakan terkumpul (tunggakan tahun-tahun sebelum yang tidak boleh dipungut dalam tahun 2002 termasuk hasil tahun 2002 yang tidak dapat dipungut) merupakan anggaran tunggakan yang dibawa ke tahun 2003 - 2004.
- 7.4 Sekiranya cadangan anggaran hasil tahun 2003 - 2004 mempunyai perbezaan pertambahan atau kurangan yang ketara dengan anggaran hasil tahun 2002 dan 2003, maka Pegawai Pengawal/Pemungut hendaklah memberi sebab-sebab kenapa terdapatnya perbezaan dan perkiraan mengenainya disediakan.

8. PENYAMPAIAN CADANGAN BELANJAWAN 2003 -2004.

- 8.1 **Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2003 -2004** hendaklah dikemukakan tidak lewat 30 Jun 2002 dengan jumlah salinan seperti berikut :
- 8.1.1 Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dalam **lima (5) naskah mengikut format** dan **satu disket** mengikut sistem SPEN dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri;
- 8.1.2 Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dalam **lima (5) naskah mengikut format** dan **satu disket** mengikut sistem SPEN dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri;
- 8.1.3 Cadangan Anggaran Hasil dalam **lima (5) naskah mengikut format** dan **satu disket** mengikut sistem SPEN dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri.

9. PEMERIKSAAN BELANJAWAN TAHUN 2003 -2004.

- 9.1 Pemeriksaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan 2003 - 2004 dengan Jabatan-jabatan akan diadakan mulai **1 Julai, 2002** dan jabatan-jabatan akan dimaklum melalui surat. **Pegawai Pengawal sendiri dikehendaki hadir** dengan **dibantu oleh Pegawai-pegawai yang terlibat** secara langsung dengan pengurusan kewangan jabatan serta membawa dokumen-dokumen seperti berikut :
- 9.1.1 **Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2003 - 2004;**
- 9.1.2 **Cadangan Anggaran Hasil Tahun 2003 - 2004;**
- 9.1.3 **Buku Vot Tahun 2001 - 2002;**
- 9.1.4 **Senarai Inventori Jabatan;**
- 9.1.5 **Surat/Dokumen lain yang menyokong permohonan peruntukan dalam**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2003 - 2004.

10. PENUTUP

- 10.1 Dalam Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2003 - 2004 di bawah Surat Pekeliling ini. Pegawai Pengawal yang memerlukan maklumat lanjut atau bantuan bolehlah menghubungi Pejabat Kewangan Negeri.

[Lampiran I](#)

[Lampiran II](#)

[Lampiran III](#)

[Lampiran IV](#)

[Lampiran V](#)